

Bangsa Malaysia: Jangan sampai lupa asal usul Melayu

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Istilah bangsa Malaysia seharusnya menunjukkan keutuhan perpaduan semua kaum di negara ini, namun tidak sepatutnya dipergunakan untuk melupakan identiti mahupun asal usul kaum terutamanya Melayu.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mansor Mohd. Noor berkata, apabila ada pihak yang mengganggu-gugat kedudukan bahasa Melayu, kedudukan agama Islam serta mencabar institusi raja-raja, ia tidak memberi gambaran sebenar sebuah Malaysia baharu.

Malah katanya, apa yang berlaku ketika ini boleh dibandingkan ketika zaman penjajahan British yang menubuhkan Malayan Union pada 1946, menyebabkan raja-raja dan orang Melayu hilang hak mereka sebagai kaum

majoriti di negara ini.

“Jadi apabila ada isu-isu penggunaan bahasa Mandarin dalam surat rasmi dan pembinaan masjid yang dibatalkan, kita dapat lihat orang Melayu tetap bangkit mempertahankan hak-hak mereka.

“Apa yang perlu diketengahkan dalam perpaduan negara ketika ini adalah konsep integrasi, bukannya asimilasi. Asimilasi adalah pencampuran kebudayaan tetapi hilang ciri khas kebudayaan asli sehingga membentuk kebudayaan baharu, tetapi integrasi merupakan gabungan beberapa kaum demi menjadi satu kesatuan yang kukuh,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas istilah bangsa



MANSOR MOHD. NOOR

Malaysia yang sering diungkapkan bagi mengukuhkan perpaduan kaum dalam negara dikhuatiri boleh menghakis identiti sesuatu bangsa.

Kini, bukan istilah bangsa Malaysia sahaja digunakan, tetapi Malaysia baharu juga diperjuangkan

bagi menunjukkan bahawa rakyat kini bebas menyuarakan pendapat mereka dalam apa jua isu.

Malangnya, ramai yang salah faham tentang kebebasan bersuara yang dimaksudkan, sehinggalah kedudukan bahasa kebangsaan, agama Islam dan institusi raja dipertikaikan begitu sahaja seolah-olah tidak rasa bersalah apabila mempersoalkan Perlembagaan Persekutuan.